

*(16 September 1963)*

# DETIK BERSEJARAH YANG MELAHIRKAN MALAYSIA

---



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Institut  
Pemikiran  
dan Kepimpinan  
Melayu

# INGAT- INGAT LUPA #07

---

Bagai isi dengan kuku  
Bersekutu bertambah mutu

”

# MAJULAH MALAYSIA



## 16 SEPTEMBER 1963 DETIK BERSEJARAH YANG MELAHIRKAN MALAYSIA

TANGGAL 16 September 1963, maka lahirlah sebuah negara baharu bernama Malaysia. Ia merupakan detik paling bersejarah yang memperlihatkan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura. Penyatuan itu bermula selepas Perdana Menteri Tunku Abdul

Rahman Putra Al-Haj mencadangkan pada 27 Mei 1961. Penyatuan dan kerjasama kerjasama itu perlu diadakan terutamanya untuk menyekat pengaruh komunis yang semakin ketara yang boleh menggugat kestabilan politik serantau.



Pendirian kerajaan ini adalah berdasarkan kepada perkembangan politik di Singapura yang memperlihatkan peningkatan pengaruh golongan kiri. Di samping itu, gagasan ini bertujuan mengimbangi jumlah penduduk, meningkatkan kemajuan ekonomi dan mempercepat proses kemerdekaan bagi Singapura, Brunei, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak.

Pada Julai 1963, satu perjanjian penting telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Perjanjian Penubuhan Persekutuan

Malaysia itu telah ditandatangani wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Persetujuan telah diperolehi untuk menujuhkan Malaysia pada 31 Ogos, 1963.

Bagaimanapun, penubuhan Malaysia yang dirancang pada tarikh tersebut terpaksa ditangguhkan kerana laporan Setiausaha PBB hanya dapat disiapkan pada 14 September. Malaysia akhirnya diisytiharkan pada 16 September 1963.

---

Sumber: Arkib Negara